

Oleh Hairulazim Mahmud
azim@hmetro.com.my
Bangi

Jika kebuluran rujuk HEP

“Jika ada pelajar yang kebuluran, saya minta mereka tampil kepada Bahagian HEP (Hal Ehwal Pelajar) masing-masing untuk segera dibantu,” kata Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh.

Menurutnya, sebanyak RM15 juta diperuntukkan di bawah Tabung Kebajikan untuk semua universiti dan hanya RM5 juta dibelanjakan bagi membantu pelajar pada tahun lalu.

Beliau mendakwa, bagaimanapun hingga hari ini, tiada seorang pelajar pun dari universiti awam (UA) dan swasta yang direkodkan oleh HEP mengalami kebuluran sepanjang pengajian mereka.

“Saya sendiri mahukan bertanya ada ke pelajar universiti yang kebuluran selama ini? Ada? Beritahu saya nama pelajar berkenaan.

“Tidak ada pun, tiada nama. Semua universiti diperuntukkan RM15 juta, tahun lalu hanya digunakan RM5 juta,” katanya selepas menghadiri Majlis Ramah

■ Dana Tabung Kebajikan RM15 juta untuk universiti bantu pelajar kelaparan



FAKTA
Hanya RM5 juta dibelanjakan di bawah Tabung Kebajikan tahun lalu

IDRIS (tiga dari kiri) menyerahkan replika BB1M kepada Pengerusi Yang Dipertua & Presiden Majlis Perwakilan Pelajar IPT, Muhammad Farhan Khairuddin (lima dari kiri).

Mesra Menteri Pendidikan Tinggi Bersama Pemimpin Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Majlis itu dihadiri 2,000

pemimpin mahasiswa daripada universiti awam, swasta, politeknik dan kolej komuniti di seluruh negara.

Sebelum itu, pada majlis sama, beliau melancarkan

Projek Berdikari Inisiatif Komuniti Belia Malaysia (MYC) yang bertujuan membentuk nilai tanggungjawab dalam diri pelajar di seluruh negara dalam memberi pengalaman

pekerjaan yang fleksibel berdasarkan kemahiran masing-masing.

Projek berkenaan sejajar dengan kebimbangan masyarakat yang menyatakan pelajar UA terpaksa mengi-

kat perut berikutan tidak mampu menanggung pembiayaan pembelajaran.

Sebelum ini, Harian Metro melalui laporan muka depannya pernah mendedahkan terdapat pelajar universiti yang terpaksa mengikat perut kerana tidak cukup wang perbelanjaan.

Beliau turut menyerahkan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) kepada wakil mahasiswa sebanyak RM300 juta kepada 1.2 juta pelajar seluruh negara.

Dalam pada itu, Idris berkata, program berkenaan adalah projek sokongan dalam usaha melahirkan siswazah yang serba boleh.

“Kalau kita lihat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, lonjakan pertamanya untuk melahirkan graduan yang holistik, bersifat keusahawanan dan seimbang. Jadi, Projek Berdikari ini projek bantuan terhadap pelan itu,” katanya.